

Bil. S 75

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PENGURUSAN BENCANA, 2006

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Perintah tidak dikenakan.

BAHAGIAN II

TAKRIFAN LANJUT

4. Makna "bencana".
5. Makna "pengurusan bencana".
6. Makna "operasi bencana".
7. Makna "kejadian".

BAHAGIAN III

MAJLIS BENCANA KEBANGSAAN

8. Penubuhan Majlis.
9. Tugas-tugas.
10. Keahlian.
11. Masa, tempat dan korum mesyuarat.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

12. Mempengerusikan mesyuarat.
13. Perjalanan urusan.
14. Perjalanan mesyuarat.
15. Laporan tahunan.

BAHAGIAN IV

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

16. Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.
17. Tugas-tugas Pengarah.

BAHAGIAN V

RANCANGAN PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

18. Rancangan Pengurusan Bencana Kebangsaan.
19. Mengkaji semula dan memperbaharui rancangan.
20. Garis panduan pengurusan bencana.
21. Rancangan Tindakan Awam.

BAHAGIAN VI

KEADAAN BENCANA

22. Pengisytiharan.
23. Borang dan notis pengisytiharan.
24. Tempoh.
25. Melanjutkan tempoh keadaan bencana.
26. Menamatkan tempoh keadaan bencana.
27. Pemberian kuasa kerana keadaan bencana.

BAHAGIAN VII

KUASA-KUASA

28. Arahan mengenai kuasa-kuasa di bawah undang-undang bertulis yang lain.
29. Pengarah menjalankan kuasa-kuasa.
30. Kuasa-kuasa am Pengarah.
31. Kuasa untuk memberi arahan mengenai harta.
32. Kehendak-kehendak arahan mengenai harta.
33. Kuasa-kuasa am pegawai penyelamat.
34. Peruntukan mengenai kuasa untuk memasuki.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN-KESALAHAN

35. Menyamar sebagai Pengarah atau pegawai penyelamat.
36. Menghalang Pengarah atau pegawai penyelamat.
37. Gagal mematuhi arahan.
38. Gagal memberi pertolongan kepada Pengarah atau pegawai penyelamat.

BAHAGIAN IX

PAMPASAN

39. Hak mendapat pampasan.
40. Bila pampasan tidak dibayar.
41. Memohon pampasan.
42. Luputnya permohonan.
43. Memutuskan permohonan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

44. Notis mengenai keputusan.

45. Rayuan.

BAHAGIAN X

AM

46. Batasan liabiliti.

47. Peraturan-peraturan.

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PENGURUSAN BENCANA, 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pengurusan Bencana, 2006 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan bencana secara berkesan bagi Negara Brunei Darussalam dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Pusat" bermakna Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah ceraian (1) bab 16;

"pengerusi" bermakna pengerusi Majlis yang disebut dalam ceraian (1) bab 10;

"Majlis" bermakna Majlis Bencana Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah bab 8;

"kawasan yang diisyiharkan" bermakna Negara Brunei Darussalam atau, jika keadaan bencana diisyiharkan bagi sebahagian dari Negara Brunei Darussalam, bahagian itu;

"kuasa-kuasa bencana yang diisyiharkan" bermakna kuasa-kuasa Pengarah di bawah bab-bab 30 dan 31;

"Pengarah" bermakna Pengarah bagi Pusat yang disebut dalam ceraian (2) bab 16;

"bencana" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh ceraian (1) bab 4;

"pengurusan bencana" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 5;

"garis panduan pengurusan bencana" bermakna garis panduan yang disebut dalam bab 20;

"operasi bencana" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 6;

"keadaan bencana" bermakna suatu keadaan bencana yang diisyiharkan di bawah bab 22;

"kejadian" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh ceraian (1) bab 7;

"ahli-ahli" bermakna ahli-ahli Majlis;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi pengurusan bencana;

"tempoh" bermakna tempoh pengisytiharan suatu keadaan bencana berkuatkuasa;

"tempat" termasuk tanah atau premis dan sesebuah kenderaan;

"Rancangan" bermakna Rancangan Pengurusan Bencana Kebangsaan yang disebut dalam ceraian (1) bab 18;

"premis" termasuk suatu bangunan atau struktur, atau sebahagian dari suatu bangunan atau struktur, dari sebarang jenis;

"pegawai penyelamat" bermakna seseorang pegawai polis atau mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah ceraian (1) bab 27 untuk menjalankan kuasa-kuasa bencana yang diisyiharkan kerana suatu keadaan bencana;

"kenderaan" bermakna sesuatu yang digunakan untuk mengangkut apa-apa sahaja atau mana-mana orang dengan jalan darat, air atau udara.

Perintah tidak dikenakan.

3. Perintah ini tidak membenarkan sesiapa sahaja untuk melakukan, atau membuat persediaan untuk melakukan, mana-mana yang berikut —

- (a) terlibat dalam pertempuran bersenjata melawan musuh;
- (b) menumpaskan rusuhan atau kekacauan awam lain;
- (c) menamatkan mogok atau sekatan masuk kerja.

BAHAGIAN II

TAKRIFAN LANJUT

Makna "bencana".

4. (1) "Bencana" bermakna suatu gangguan serius dalam masyarakat, yang berpunca dari kesan sesuatu kejadian, yang menghendaki penyelarasan tindakan yang bermakna oleh Negara Brunei Darussalam untuk membantu masyarakat itu pulih dari gangguan tersebut.

(2) Dalam bab ini, "gangguan serius" bermakna —

- (a) kehilangan nyawa manusia, atau penyakit atau kecederaan kepada manusia;
- (b) kehilangan atau kerosakan yang meluas atau teruk kepada harta; atau
- (c) kerosakan yang meluas atau teruk kepada alam sekitar.

Makna "pengurusan bencana".

5. "Pengurusan bencana" bermakna persiapan yang berkaitan dengan mengurus kesan-kesan buruk yang mungkin berlaku dari sesuatu kejadian, seperti persiapan untuk mengurangkan, mencegah, bersedia untuk, bertindak bagi menghadapi dan pulih dari suatu bencana.

Makna "operasi bencana".

6. "Operasi bencana" bermakna kegiatan-kegiatan yang dijalankan sebelum, semasa atau selepas sesuatu kejadian untuk membantu mengurangkan kehilangan nyawa manusia, penyakit atau kecederaan kepada manusia, kehilangan atau kerosakan kepada harta, atau kerosakan kepada alam sekitar, seperti kegiatan-kegiatan untuk mengurangkan kesan-kesan buruk dari kejadian tersebut.

Makna "kejadian".

7. (1) Sesuatu "kejadian" bermakna mana-mana yang berikut —
 - (a) taufan, gempa bumi, banjir, ribut, pasang surut ribut, puting beliung, tsunami, letusan gunung berapi atau kejadian semulajadi yang lain;
 - (b) letusan atau kebakaran, tumpahan kimia, bahan api atau minyak, atau kebocoran gas;
 - (c) infestasi, wabak, pandemik atau epidemik, seperti wabak penyakit selesema burung;
 - (d) kegagalan, atau gangguan kepada, suatu perkhidmatan perlu, premis, atau infrastruktur;
 - (e) serangan terhadap Negara Brunei Darussalam atau sebarang perbuatan lain yang memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, ketenteraman awam, keselamatan atau kepentingan awam Negara Brunei Darussalam;
 - (f) sebarang kejadian lain yang sama dengan kejadian yang disebutkan dalam perenggan-perenggan (a) hingga (e).
- (2) Sesuatu "kejadian" adalah kejadian semulajadi atau berpunca dari perbuatan atau peninggalan manusia.

BAHAGIAN III

MAJLIS BENCANA KEBANGSAAN

Penubuhan Majlis.

8. Adalah dengan ini ditubuhkan Majlis yang dikenali sebagai Majlis Bencana Kebangsaan.

Tugas-tugas.

9. Majlis mempunyai tugas-tugas yang berikut —
 - (a) untuk mengembangkan rangka kerja dasar strategik bagi pengurusan bencana bagi Negara Brunei Darussalam;
 - (b) untuk memastikan pengurusan bencana yang berkesan dikembangkan dan dilaksanakan bagi Negara Brunei Darussalam;

- (c) untuk memastikan bahawa persiapan serantau dan antarabangsa berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan bencana yang berkesan diadakan dan diselenggarakan;
- (d) untuk mengenalpasti sumber-sumber yang boleh digunakan bagi operasi bencana;
- (e) untuk memberi laporan dan membuat sokongan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pengurusan bencana dan operasi bencana;
- (f) untuk menyediakan Rancangan;
- (g) untuk menjalankan atau melaksanakan sebarang tugas lain yang diberikan atau dikenakan kepada Majlis tersebut di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain;
- (h) untuk memutuskan bantuan yang akan diberikan kepada mana-mana negara atau wilayah berhubung dengan operasi bencana;
- (i) untuk memutuskan bantuan yang ditawarkan oleh mana-mana negara atau wilayah, organisasi atau individu;
- (j) untuk menjalankan atau melaksanakan sebarang tugas yang bersampingan dengan sebarang tugas yang disebutkan dalam perenggan-perenggan (a) hingga (i).

Keahlian.

10. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi dan beberapa orang timbalan pengerusi dan ahli-ahli lain yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, notis mengenai lantikan mereka hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah melantik seorang setiausaha kepada Majlis, notis mengenai lantikannya hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Masa, tempat dan korum mesyuarat.

11. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 6 bulan pada masa dan tempat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pengerusi dan pada suatu mesyuarat separuh daripada ahli-ahli hendaklah membentuk korum.

(2) Pengerusi hendaklah mengadakan mesyuarat jika diminta secara bertulis untuk berbuat demikian oleh sekurang-kurangnya separuh daripada ahli-ahli.

(3) Majlis boleh menjemput mana-mana orang, yang bukan ahli, untuk menghadiri mesyuarat Majlis bagi maksud memberi nasihat kepada Majlis mengenai sebarang perkara.

Mempengerusikan mesyuarat.

12. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis yang dihadirinya.

(2) Jika penggerusi tidak hadir dalam suatu mesyuarat Majlis, sesiapa sahaja - daripada timbalan-timbalan penggerusi, yang akan dilantik oleh penggerusi, hendaklah mempengerusikan.

(3) Dalam ceraian (2), "timbalan-timbalan penggerusi" bermakna timbalan-timbalan penggerusi yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 10.

Perjalanan urusan.

13. (1) Majlis boleh menjalankan urusannya dan menentukan prosedurnya sendiri, termasuk mesyuarat-mesyuaratnya, dengan cara yang difikirkannya bersesuaian.

(2) Majlis hendaklah menyebabkan supaya rekod-rekod yang betul mengenai prosidingnya disimpan.

(3) Semua perbuatan yang dilakukan oleh Majlis adalah sah, walaupun terdapat sebarang kekosongan dalam Majlis, seolah-olah kekosongan tersebut tidak wujud.

Perjalanan mesyuarat.

14. (1) Tertakluk kepada Perintah ini, Majlis boleh mengadakan mesyuarat, atau membenarkan ahli-ahli untuk mengambil bahagian dalam mesyuaratnya, dengan menggunakan sebarang teknologi yang membolehkan dengan munasabah ahli-ahli untuk mendengar dan mengambil bahagian dalam perbincangan semasa mesyuarat itu berlangsung.

(2) Seseorang ahli yang mengambil bahagian dalam suatu mesyuarat Majlis di bawah ceraian (1) adalah dianggap sebagai hadir dalam mesyuarat itu.

(3) Suatu ketetapan adalah dibuat secara sah oleh Majlis, walaupun ketetapan itu tidak diluluskan dalam suatu mesyuarat Majlis, jika –

- (a) kebanyakan ahli memberi persetujuan bertulis terhadap ketetapan itu; dan
 - (b) notis mengenai ketetapan itu diberikan di bawah prosedur yang dibenarkan oleh Majlis.
- (4) Dalam ceraian (1), "teknologi" termasuk penggunaan telesidang.

Laporan tahunan.

15. (1) Dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung tiap-tiap tahun kalendar, Majlis hendaklah menyediakan dan menyembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan suatu laporan bertulis mengenai pengurusan bencana di Negara Brunei Darussalam.

- (2) Laporan itu hendaklah termasuk yang berikut —
 - (a) maklumat mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankan dalam tahun kalendar itu untuk menyelenggarakan atau meningkatkan pengurusan bencana di Negara Brunei Darussalam;
 - (b) butir-butir operasi bencana yang dilaksanakan dalam tahun itu;
 - (c) maklumat mengenai keutamaan bagi pengurusan bencana;
 - (d) perkara-perkara lain mengenai pengurusan bencana sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Menteri.

BAHAGIAN IV

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.

16. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan sebuah Pusat yang dikenali sebagai Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan untuk menjalankan atau melaksanakan tugas-tugas yang berikut —

- (a) untuk membantu Majlis menjalankan atau melaksanakan tugas-tugasnya;
- (b) untuk menasihati dan membuat sokongan kepada Majlis mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pengurusan bencana yang dirujukkan oleh Majlis kepada Pusat itu;

(c) untuk menjalankan atau melaksanakan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis, yang bersampingan dengan suatu tugas yang disebutkan dalam perenggan (a) atau (b).

(2) Pusat itu hendaklah terdiri daripada seorang Pengarah dan beberapa orang Timbalan Pengarah dan orang-orang lain yang akan dilantik oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, notis mengenai lantikan mereka hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(3) Pengarah boleh mewakilkan perjalanan sebarang kuasa atau perlaksanaan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini kepada seseorang Timbalan Pengarah Pusat itu atau kepada ahli-ahli lain Pusat itu, yang dilantik di bawah ceraian (2), sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

(4) Suatu perwakilan di bawah ceraian (3) boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah dalam suratcara perwakilan.

(5) Kuasa perwakilan di bawah ceraian (3) hendaklah dijalankan hanya oleh Pengarah sendiri.

Tugas-tugas Pengarah.

17. Pengarah mempunyai tugas-tugas yang berikut —

(a) untuk mengkaji semula dan menilai secara tetap keberkesanan pengurusan bencana termasuk Rancangan;

(b) untuk mengadakan dan menyenggarakan persiapan serantau dan antarabangsa mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pengurusan bencana yang berkesan;

(c) untuk memastikan bahawa pengurusan bencana dan operasi bencana di Negara Brunei Darussalam adalah selaras dengan rangka kerja dasar strategik bagi pengurusan bencana bagi Negara Brunei Darussalam;

(d) untuk mengurus dan menyelaraskan urusan Majlis;

(e) untuk menyelaraskan bantuan bagi pengurusan bencana dan operasi bencana, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam;

(f) untuk memastikan bahawa orang-orang yang menjalankan atau melaksanakan tugas-tugas di bawah Perintah ini berkenaan dengan operasi bencana diberi latihan yang sesuai;

(g) untuk melaporkan secara tetap kepada Majlis mengenai perjalanan atau perlaksanaan tugas-tugasnya di bawah perenggan-perenggan (a) hingga (f);

(h) untuk menyokong Majlis dalam menjalankan atau melaksanakan tugas-tugasnya.

BAHAGIAN V

RANCANGAN PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

Rancangan Pengurusan Bencana Kebangsaan.

18. (1) Majlis hendaklah menyediakan Rancangan Pengurusan Bencana Kebangsaan.

(2) Rancangan hendaklah termasuk penyediaan yang berikut —

(a) rangka kerja dasar strategik Majlis bagi pengurusan bencana bagi Negara Brunei Darussalam;

(b) peranan dan tanggungjawab orang-orang yang terlibat dalam operasi bencana dan pengurusan bencana bagi Negara Brunei Darussalam;

(c) penyelarasan operasi bencana dan kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan pengurusan bencana yang dilaksanakan oleh orang-orang yang disebutkan dalam perenggan (b);

(d) kejadian-kejadian yang mungkin, atau yang boleh, berlaku di Negara Brunei Darussalam;

(e) keutamaan bagi pengurusan bencana bagi Negara Brunei Darussalam;

(f) perkara-perkara yang dinyatakan dalam garis panduan pengurusan bencana sebagai perkara-perkara yang akan dimasukkan dalam Rancangan;

(g) perkara-perkara lain mengenai pengurusan bencana sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Majlis.

Mengkaji semula dan memperbaharui rancangan.

19. Majlis boleh mengkaji semula, atau memperbaharui, Rancangan apabila Majlis menganggapnya bersesuaian.

Garis panduan pengurusan bencana.

20. Pengarah boleh menyediakan garis panduan untuk memberitahu Majlis mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan mana-mana yang berikut —

- (a) penyediaan Rancangan;
- (b) perkara-perkara yang akan dimasukkan dalam Rancangan;
- (c) perkara-perkara lain mengenai operasi Pusat yang dianggapnya bersesuaian dengan mengambil kira pengurusan bencana bagi Negara Brunei Darussalam;

Rancangan Tindakan Awam.

21. (1) Pengarah hendaklah menyediakan suatu Rancangan Tindakan Awam yang mengandungi prosedur yang akan diikuti oleh orang ramai jika suatu keadaan bencana diisytiharkan di bawah bab 22.

(2) Pengarah boleh, dengan kebenaran Majlis, membenarkan satu salinan Rancangan Tindakan Awam disediakan, secara percuma, kepada orang ramai di —

- (a) ibu pejabat Pusat; dan
 - (b) tempat-tempat lain sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Majlis.
- (3) Rancangan tersebut boleh disediakan dalam bentuk bertulis atau elektronik.

BAHAGIAN VI

KEADAAN BENCANA

Pengisyiharan.

22. Menteri boleh mengisyiharkan suatu keadaan bencana bagi Negara Brunei Darussalam, atau sebahagian dari Negara Brunei Darussalam, jika dia berpuas hati bahawa —

- (a) suatu bencana telah berlaku, sedang berlaku atau mungkin berlaku, di Negara Brunei Darussalam; dan

(b) adalah perlu bagi Pengarah untuk menjalankan kuasa-kuasa bencana yang diisyiharkan untuk mencegah atau mengurangkan mana-mana yang berikut —

- (i) kehilangan nyawa manusia;
- (ii) penyakit atau kecederaan kepada manusia;
- (iii) kehilangan atau kerosakan kepada harta;
- (iv) kerosakan kepada alam sekitar.

Borang dan notis pengisyiharan.

23. (1) Pengisyiharan suatu keadaan bencana di bawah bab 22 hendaklah dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

(2) Borang tersebut hendaklah memasukkan peruntukan bagi —

- (a) masa dan tarikh pengisyiharan itu; dan
- (b) kawasan yang diisyiharkan kerana keadaan bencana.

(3) Dengan seberapa segera yang boleh setelah keadaan bencana diisyiharkan, Menteri hendaklah memberi notis mengenai pengisyiharan itu dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Kenyataan tersebut hendaklah memasukkan —

- (a) masa dan tarikh pengisyiharan itu; dan
- (b) butir-butir mengenai kawasan yang diisyiharkan kerana keadaan bencana.

Tempoh.

24. Suatu keadaan bencana —

- (a) bermula apabila ia telah diisyiharkan di bawah bab 22;
- (b) berakhir 7 hari selepas tarikh ia diisyiharkan, melainkan jika —
 - (i) Menteri menamatkan keadaan bencana lebih awal di bawah ceraian (1) bab 26; atau

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- (ii) suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 25 melanjutkan tempoh keadaan bencana setelah berakhirnya tempoh 7 hari itu.

Melanjutkan tempoh keadaan bencana.

25. (1) Menteri boleh, dengan perintah, melanjutkan atau melanjutkan lagi, tempoh keadaan bencana dan hendaklah menyiar perintah tersebut dalam *Warta Kerajaan* dengan seberapa segera yang boleh.

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) mula berkuatkuasa pada tarikh perintah tersebut dibuat sama ada ada atau tidak perintah tersebut disiarkan dalam *Warta Kerajaan* pada tarikh itu.

(3) Suatu perintah yang melanjutkan tempoh keadaan bencana tamat tempohnya 14 hari selepas keadaan bencana diisytiharkan melainkan jika perintah itu dimansuhkan lebih awal atau melainkan jika perintah itu tamat tempohnya di bawah ceraian (4) bab 26.

(4) Suatu perintah yang melanjutkan lagi tempoh keadaan bencana —

(a) hendaklah menyatakan tempoh, yang tidak lebih dari 7 hari, yang melanjutkan tempoh keadaan bencana; dan

(b) tamat tempohnya pada penghujung tempoh yang dinyatakan melainkan jika perintah itu dimansuhkan lebih awal atau perintah itu tamat tempohnya di bawah ceraian (4) bab 26.

Menamatkan tempoh keadaan bencana.

26. (1) Sebaik saja Menteri berpuas hati bahawa adalah tidak lagi perlu bagi Pengarah untuk menjalankan kuasa-kuasa bencana yang diisytiharkan kerana suatu keadaan bencana, maka Menteri hendaklah menamatkan tempoh keadaan bencana itu.

(2) Jika Menteri menamatkan tempoh keadaan bencana di bawah ceraian (1), dia hendaklah —

(a) membuat suatu rekod bertulis mengenai masa dan tarikh keadaan bencana itu berakhir; dan

(b) dengan segera memberitahu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai berakhirnya keadaan bencana itu dan selepas itu dengan segera memberitahu Pengarah mengenainya.

(3) Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberi notis mengenai berakhirnya keadaan bencana itu, dan apabila ia berakhir, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Suatu perintah yang melanjutkan atau melanjutkan lagi tempoh keadaan bencana tamat tempohnya apabila keadaan bencana itu berakhir di bawah bab ini.

Pemberian kuasa kerana keadaan bencana.

27. (1) Menteri atau Pengarah boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang yang berikut untuk menjalankan kuasa-kuasa bencana yang diisyiharkan kerana suatu keadaan bencana —

(a) seseorang pegawai bomba;

(b) seseorang pegawai kesihatan;

(c) mana-mana orang atau seseorang ahli dari suatu golongan orang yang Menteri atau Pengarah berpuas hati mempunyai kepakaran atau pengalaman yang diperlukan untuk menjalankan kuasa-kuasa itu.

(2) Mana-mana pegawai polis boleh juga menjalankan kuasa-kuasa bencana yang diisyiharkan kerana suatu keadaan bencana.

(3) Pemberian kuasa di bawah ceraian (1) —

(a) boleh dibuat pada amnya atau terhad kepada seseorang pegawai bomba, pegawai kesihatan atau orang lain yang tertentu, atau segolongan pegawai bomba, pegawai kesihatan atau orang lain yang tertentu;

(b) boleh diberikan atas syarat-syarat; dan

(c) boleh diberikan secara lisan atau bertulis, tetapi jika diberikan secara lisan hendaklah ditulis dengan seberapa segera yang boleh dengan munasabah.

(4) Kegagalan untuk menulis pemberian kuasa di bawah perenggan (c) ceraian (3) tidak akan membantalkan pemberian kuasa itu atau apa-apa jua yang dilakukan di bawahnya.

(5) Dalam bab ini —

"pegawai bomba" bermakna mana-mana anggota Perkhidmatan Bomba Negara Brunei Darussalam yang disebut dalam bab 2 dari Akta Perkhidmatan Bomba (Penggal 82);

"pegawai kesihatan" bermakna mana-mana pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggal 112), mana-mana jururawat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Jururawat (Penggal 140) dan mana-mana pegawai kesihatan sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2 dari Perintah Penyakit Berjangkit, 2003 (S 34/03).

BAHAGIAN VII

KUASA-KUASA

Arahan mengenai kuasa-kuasa di bawah undang-undang bertulis yang lain.

28. (1) Bab ini dikenakan jika berlaku suatu keadaan bencana.
 - (2) Menteri atau Pengarah boleh memberi arahan mengenai hal keadaan bagaimana suatu kuasa di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain boleh dijalankan dalam tempoh keadaan bencana itu, tetapi tidaklah boleh memberi arahan mengenai cara bagaimana kuasa itu boleh dijalankan.
 - (3) Arahan di bawah ceraian (2) hendaklah diberikan hanya —
 - (a) kepada orang yang boleh menjalankan kuasa tersebut di bawah undang-undang bertulis itu; dan
 - (b) jika arahan itu diperlukan bagi pengurusan bencana yang berkesan yang kerananya keadaan bencana diisyiharkan.

Misalan

Contoh 1

Menteri boleh mengarahkan mana-mana pihak berkuasa atau pemeriksa yang dilantik di bawah Perintah Pencegahan Pencemaran Laut, 2005 (S 18/05) untuk menangguhkan perjalanan sebarang kuasa tertentu sehingga Menteri menganggapnya bersesuaian dalam hal keadaan tersebut supaya kuasa-kuasa itu dijalankan.

Contoh 2

Jika keadaan bencana itu melibatkan terjadinya suatu penyakit berjangkit, maka Menteri boleh mengarahkan mana-mana pegawai kesihatan di bawah Perintah Penyakit Berjangkit, 2003 (S 34/03) untuk menangguhkan perjalanan sebarang kuasa tertentu sehingga Menteri

menganggapnya bersesuaian dalam hal keadaan tersebut supaya kuasa-kuasa itu dijalankan.

(4) Arahan di bawah ceraian (2) boleh —

(a) dibuat pada amnya atau terhad kepada segolongan orang yang tertentu; dan

(b) diberikan atas syarat-syarat.

(5) Sebelum memberikan arahan di bawah ceraian (2) mengenai perjalanan suatu kuasa di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain, maka Menteri atau Pengarah hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk berunding dengan ketua mana-mana jabatan Kerajaan, badan berkanun atau agensi lain yang melaksanakan undang-undang bertulis itu.

(6) Kegagalan untuk berunding di bawah ceraian (5) tidak akan menjelaskan kesahan arahan itu.

Pengarah menjalankan kuasa-kuasa.

29. Pengarah hanya boleh menjalankan kuasa-kuasanya yang diberikan di bawah bab-bab 30, 31 dan 32 —

(a) dalam tempoh keadaan bencana; dan

(b) untuk melakukan mana-mana yang berikut —

(i) memastikan keselamatan awam atau ketenteraman awam;

(ii) mencegah atau mengurangkan kehilangan nyawa manusia, atau penyakit atau kecederaan kepada manusia atau haiwan;

(iii) mencegah atau mengurangkan kehilangan atau kerosakan kepada harta, atau kerosakan kepada alam sekitar.

Kuasa-kuasa am Pengarah.

30. (1) Pengarah boleh melakukan semua yang berikut —

(a) mengawal pergerakan orang, haiwan atau kenderaan di dalam, ke dalam, di luar atau di sekitar kawasan yang diisyiharkan kerana keadaan bencana;

- (b) memberi suatu arahan kepada mana-mana orang untuk mengawal-selia pergerakan orang itu, haiwan atau kenderaan di dalam, ke dalam, di luar atau di sekitar kawasan yang diisyiharkan;
- (c) memindahkan orang atau haiwan dari kawasan yang diisyiharkan atau sebahagian dari kawasan itu;
- (d) memasuki suatu tempat di dalam kawasan yang diisyiharkan;
- (e) membawa masuk ke suatu tempat di dalam kawasan yang diisyiharkan kelengkapan, orang atau peralatan yang dikehendakinya dengan munasabah untuk menjalankan suatu kuasa di bawah bab ini;
- (f) mengawal mana-mana haiwan atau bahan di dalam kawasan yang diisyiharkan;
- (g) memindahkan atau memusnahkan mana-mana haiwan, tumbuh-tumbuhan atau bahan di dalam kawasan yang diisyiharkan;
- (h) memindahkan, membuka, merobohkan atau memusnahkan mana-mana kenderaan, atau mana-mana bangunan atau struktur lain, di dalam kawasan yang diisyiharkan;
- (i) menggunakan, menutup atau menyekat kemudahan saliran;
- (j) menghentikan atau memutuskan bekalan bahan api, gas, elektrik atau air, dan mengambil dan menggunakan bahan api, gas, elektrik atau air;
- (k) mematikan, memutuskan atau menghentikan mana-mana motor atau kelengkapan;
- (l) membuka kontena atau benda lain, atau membuka kelengkapan;
- (m) menggali tanah atau membuat terowong;
- (n) membuat kerja tanah atau struktur sementara, atau mendirikan halangan;
- (o) menutup lalulintas mana-mana jalan raya;
- (p) menyelenggara, memulihkan, atau mencegah pemusnah ke atas, perkhidmatan perlu;
- (q) menghendaki mana-mana orang untuk memberi pertolongan yang munasabah kepadanya bagi menjalankan kuasa-kuasanya di bawah bab ini;

(2) Pengarah boleh memasuki mana-mana tempat di dalam kawasan yang diisyiharkan tanpa waran atau persetujuan penghuni tempat itu.

(3) Pengarah boleh menjalankan suatu kuasa di bawah bab ini dengan pertolongan, dan dengan menggunakan kekerasan, yang munasabah dalam hal keadaan itu.

(4) Apabila memberikan suatu arahan atau membuat suatu kehendak yang disebutkan dalam perenggan (b) atau (q) ceraian (1), Pengarah hendaklah memberi amaran kepada orang itu bahawa adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya gagal mematuhi arahan atau kehendak itu melainkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah.

Kuasa untuk memberi arahan mengenai harta.

31. (1) Pengarah boleh memberi arahan secara bertulis kepada pemilik, penghuni atau orang yang mengawal atau memiliki, mengikut mana yang berkenaan, sebarang harta untuk meletakkan harta itu di bawah kawalan, atau pengurusan, orang yang dinyatakan dalam arahan tersebut.

(2) Apabila memberi suatu arahan di bawah ceraian (1), Pengarah hendaklah memberi amaran kepada orang itu bahawa adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya gagal mematuhi arahan tersebut melainkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah.

Kehendak-kehendak arahan mengenai harta.

32. Suatu arahan di bawah ceraian (1) bab 31 hendaklah termasuk —

(a) maklumat mengenai bentuk keadaan bencana;

(b) pengenalpastian harta yang disebut dalam arahan itu;

(c) maklumat mengenai —

(i) tujuan harta itu digunakan; dan

(ii) memohon pampasan di bawah Perintah ini berkenaan dengan sebarang kehilangan atau kerosakan yang ditanggung kerana menggunakan harta itu;

(d) peruntukan Perintah ini yang di bawahnya arahan itu diberikan; dan

(e) suatu pernyataan bahawa orang yang diberikan arahan itu hendaklah mematuhi arahan itu.

Kuasa-kuasa am pegawai penyelamat.

33. (1) Dalam tempoh keadaan bencana, seseorang pegawai penyelamat boleh mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi —

(a) seseorang yang terperangkap, atau terancam dengan apa-apa cara lain, di dalam mana-mana tempat;

(b) dirinya atau mana-mana orang lain dari bahaya, bahaya yang mungkin berlaku atau serangan.

(2) Jika adalah munasabah dalam hal keadaan tersebut, pegawai penyelamat itu boleh melakukan semua yang berikut bagi tujuan memberi perlindungan yang disebutkan dalam ceraian (1) —

(a) memasuki suatu tempat dengan menggunakan kekerasan yang munasabah;

(b) menggeledah mana-mana bahagian suatu tempat;

(c) membuka, dengan menggunakan kekerasan yang munasabah, suatu kontena atau apa-apa benda lain;

(d) memindahkan apa-apa benda dari suatu tempat;

(e) memusnahkan atau merosakkan premis, sesebuah kenderaan, kontena atau apa-apa benda lain;

(f) membawa ke dalam atau ke suatu tempat kelengkapan, orang atau peralatan yang dikehendaki dengan munasabah oleh pegawai penyelamat itu untuk menjalankan suatu kuasa di bawah bab ini;

(g) mengarahkan mana-mana orang untuk meninggalkan, atau tidak memasuki, suatu kawasan di dalam atau berdekatan dengan suatu tempat jika pegawai penyelamat itu menganggap dengan munasabah arahan itu perlu untuk melindungi nyawa atau kesihatan orang itu;

(h) menghendaki mana-mana orang di atau berdekatan dengan tempat itu untuk memberikan pertolongan yang munasabah kepada pegawai penyelamat itu untuk menjalankan kuasa-kuasanya di bawah perenggan-perenggan (a) hingga (f).

(3) Apabila memberi suatu arahan atau membuat suatu kehendak yang disebutkan dalam perenggan (g) atau (h) ceraian (2), pegawai penyelamat itu hendaklah memberi amaran kepada orang itu bahawa adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya gagal mematuhi arahan atau kehendak itu melainkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah.

Peruntukan mengenai kuasa untuk memasuki.

34. (1) Seseorang pegawai penyelamat boleh memasuki mana-mana tempat di bawah ceraian (1) bab 33 tanpa waran atau persetujuan pemilik atau penghuni tempat itu.

(2) Walau bagaimanapun, jika penghuni berada di tempat itu, sebelum memasuki tempat itu, pegawai penyelamat itu hendaklah, atau membuat percubaan yang munasabah untuk —

(a) memberitahu penghuni tujuannya untuk memasuki tempat itu;

(b) mendapatkan persetujuan penghuni bagi memasuki tempat itu;

(c) memberitahu penghuni bahawa pegawai penyelamat itu dibenarkan di bawah Perintah ini untuk memasuki tempat itu tanpa persetujuan penghuni.

(3) Ceraian (2) tidak menghendaki pegawai penyelamat itu untuk mengambil langkah yang dipercayainya dengan munasabah boleh mematahkan atau pun selainnya menghalang keupayaannya untuk melindungi —

(a) seseorang yang terperangkap, atau terancam dengan apa-apa cara lain, di mana-mana tempat; atau

(b) dirinya atau mana-mana orang lain dari bahaya, bahaya yang mungkin berlaku atau serangan.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN-KESALAHAN

Menyamar sebagai Pengarah atau pegawai penyelamat.

35. (1) Tiada sesiapa pun boleh menyamar sebagai Pengarah atau seseorang pegawai penyelamat.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Menghalang Pengarah atau pegawai penyelamat.

36. (1) Tiada seseapa pun boleh menghalang Pengarah atau seseorang pegawai penyelamat dari menjalankan sebarang kuasa melainkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah.

(2) Jika mana-mana orang telah menghalang Pengarah atau seseorang pegawai penyelamat dan Pengarah atau pegawai menyelamat itu memutuskan untuk terus menjalankan kuasa itu, dia hendaklah memberi amaran kepada orang itu bahawa —

(a) adalah menjadi suatu kesalahan untuk menghalangnya melainkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah;

(b) dia menganggap kelakuan orang itu sebagai suatu halangan.

(3) Dalam bab ini, "menghalang" termasuk menyerang, mengadang, melawan atau mencuba atau mengancam untuk menghalang.

(4) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Gagal mematuhi arahan.

37. (1) Mana-mana orang yang diberikan suatu arahan di bawah peranggan (b) ceraian (1) bab 30, ceraian (1) bab 31 atau perenggan (g) ceraian (2) bab 33 hendaklah mematuhi arahan itu melainkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Gagal memberi pertolongan kepada Pengarah atau pegawai penyelamat.

38. (1) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk memberi pertolongan yang munasabah di bawah perenggan (q) ceraian (1) bab 30 atau perenggan (h) ceraian (2) bab 33 hendaklah mematuhi kehendak itu melainkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak

melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN IX

PAMPASAN

Hak mendapat pampasan.

39. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, mana-mana orang yang menanggung sebarang kehilangan atau kerosakan kerana sebarang kuasa dijalankan, atau dikatakan telah dijalankan di bawah bab 30, 31 atau 33 adalah berhak untuk dibayar oleh Kerajaan pampasan yang adil dan munasabah kerana kehilangan atau kerosakan itu.

Bila pampasan tidak dibayar.

40. (1) Pampasan tidak dibayar kepada mana-mana orang kerana sebarang kehilangan atau kerosakan setakat mana —

(a) suatu jumlah kerana kehilangan atau kerosakan itu telah didapatkan kembali atau boleh dituntut balik olehnya di bawah suatu polisi insurans; atau

(b) kelakuan orang itu menyebabkan kehilangan atau kerosakan tersebut.

(2) Pampasan tidak dibayar kepada mana-mana orang kerana sebarang kehilangan atau kerosakan jika kehilangan atau kerosakan itu mungkin telah berlaku dalam sebarang kejadian, tidak kira kuasa tersebut dijalankan, atau dikatakan telah dijalankan.

Memohon pampasan.

41. (1) Mana-mana orang yang menanggung kehilangan atau kerosakan kerana suatu kuasa dijalankan, atau dikatakan telah dijalankan di bawah bab 30, 31 atau 33 boleh memohon kepada Pengarah untuk mendapatkan keputusan Majlis berkenaan dengan pampasan kerana kehilangan atau kerosakan itu.

(2) Permohonan itu hendaklah dibuat secara bertulis tidak lebih dari 90 hari selepas kehilangan atau kerosakan itu ditanggung.

(3) Pemohon hendaklah memberikan —

(a) butir-butir kehilangan atau kerosakan itu; dan

(b) jumlah pampasan yang dituntut dan sebab-sebab jumlah itu dituntut.

(4) Pemohon hendaklah juga memberikan sebarang maklumat lain yang dikehendaki dengan munasabah oleh Majlis untuk memutuskan permohonan itu.

(5) Dengan tidak menghiraukan ceraian (2), Majlis boleh menerima suatu permohonan untuk mendapatkan pampasan yang dibuat lebih dari 90 hari selepas kehilangan atau kerosakan itu ditanggung jika Majlis berpuas hati bahawa adalah munasabah dalam semula hal keadaan untuk menerima permohonan itu.

Luputnya permohonan.

42. (1) Jika Majlis membuat suatu kehendak di bawah ceraian (4) bab 41, Majlis hendaklah pada masa itu memberitahu pemohon —

(a) mengenai masa selewat-lewatnya maklumat itu boleh diberikan kepada Majlis; dan

(b) bahawa, jika maklumat itu tidak diberikan kepada Majlis pada masa yang dinyatakan itu, maka permohonan itu akan luput.

(2) Masa yang dinyatakan dalam perenggan (a) ceraian (1) hendaklah munasabah dan, dalam sebarang hal, sekurang-kurangnya 21 hari selepas kehendak itu dibuat.

(3) Majlis boleh memberi notis selanjutnya kepada pemohon untuk melanjutkan atau melanjutkan lagi masa jika Majlis berpuas hati bahawa adalah munasabah dalam semua hal keadaan untuk membenarkan supaya masa itu dilanjutkan atau dilanjutkan lagi.

(4) Suatu notis boleh diberikan di bawah ceraian (3) walaupun masa yang disebut dalam notis itu telah luput.

(5) Jika pemohon tidak mematuhi kehendak itu dalam masa yang dinyatakan atau dalam masa yang dilanjutkan atau dilanjutkan lagi itu, maka permohonan itu akan luput.

Memutuskan permohonan.

43. (1) Majlis hendaklah menimbangkan dan memutuskan permohonan yang diterima dalam masa 3 bulan selepas Majlis menerima —

(a) permohonan itu; atau

(b) sebarang maklumat yang dikehendaki untuk memutuskan permohonan itu,

mengikut mana yang kemudian.

(2) Jika Majlis belum menimbangkan dan memutuskan permohonan yang diterima dalam tempoh yang disebutkan dalam ceraian (1), Majlis hendaklah dianggap telah menolak untuk membayar pampasan.

(3) Dalam bab ini —

"permohonan yang diterima" bermakna suatu permohonan yang dibuat di bawah ceraian (2) bab 41 atau suatu permohonan yang diterima oleh Majlis di bawah ceraian (5) bab 41.

Notis mengenai keputusan.

44. Dengan seberapa segera yang boleh selepas memutuskan suatu permohonan, Majlis hendaklah memberikan kepada pemohon suatu notis bertulis yang menyatakan keputusannya dan sebab-sebabnya.

Rayuan.

45. Sebarang keputusan Majlis di bawah Bahagian ini adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah atas sebarang alasan apa pun.

BAHAGIAN X

AM

Batasan liabiliti.

46. Tiada tindakan boleh dibawa terhadap Pengarah, mana-mana pegawai, penyelamat atau mana-mana orang lain yang tertindak di bawah arahan Majlis berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan dari dilakukan oleh mana-mana daripada mereka dengan suci hati pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Perintah ini.

Peraturan-peraturan.

47. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan sebarang hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 1 haribulan Mac, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**